

# BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





# ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

01

## Akademik

3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEx 2023

02

Kunjungan Dekan FSG

05

Bengkel Kurikulum Program Baru

06

Inovasi Keusahawanan

07

Road to SPM: SMKTAT

12

## Stem

Karnival Kimia Malaysia

13

Sains ke Desa

14

Explorace PHY145

16

Karnival STEM Pulau Pinang

18

Bridge Challenge

20

STEAM Challenge

22

## Aktiviti

Fotografi Merdeka

24

Gotong-royong 5S JSG

26

Free Market 6.0

28

## Riadah

Ping Pong Piala TRHEA

29

Ping Pong Bersama Perodua

30

Santai-santai Petanque

31



# INOVASI KEUSAHAWANAN

Siti Azlina Rosli

Pada tahun ini, Cik Siti Azlina yang mengajar kod kursus ENT300 (Fundamental of Entrepreneurship) telah melibatkan tiga kumpulan pelajar yang terbaik daripada enam kumpulan di dalam kelas beliau dengan projek inovasi keusahawanan di International Virtual Student's Business Idea and Product Competition (iVISBIPIC) 2023 pada 22 hingga 30 June 2023 anjuran UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub yang bertemakan "INTEGRATING CREATIVITY AND INNOVATION IN THE NEW NORMS".



Competition Fee	
Local Participants	RM30 / Group
International participants	RM70/ Group
	5 Members + 1 Facilitator

Competition Categories		
Business Model Canvas Poster	Product Innovation Idea Video Science & Technology Category	Product Innovation Idea Video Social Science Category

Prizes (Each Category)		
1 <sup>st</sup>	2 <sup>nd</sup>	3 <sup>rd</sup>
Prize RM200 + Digital Certificate	Prize RM150 + Digital Certificate	Prize RM100 + Digital Certificate

Gold, Silver, and Bronze awards (Digital Certificates) + Digital Certificate of Participation

Important Dates (Updated)	
30 June 2023 (5 pm)	Registration and abstract Deadline
30 June 2023 (5 pm)	Video and Poster Submission Deadline
31 July 2023	Extended abstract submission Deadline
10 July 2023	Announcement of Result

CONTACT: Fadi Dali (012-3429363) / Ahmad Humam A Shazri (017-6008550)

ORGANIZED BY Faculty of Business & Management (FBM), UiTM Cawangan Pahang


Terdapat tiga kategori inovasi keusahawanan yang telah dipertandingkan pada kali ini iaitu: Product Innovation Idea Video for Science & Technology, Product Innovation Idea Video for Social Science dan Business Model Canvas. Atas kekangan masa pelajar-pelajar beliau yang sibuk dengan tugas dan projek kod kursus yang lain, mereka telah memilih untuk hanya menghantar Business Model Canvas (BMC) sahaja yang tepat dengan konsep dan tema pertandingan inovasi pada kali ini. Alhamdulillah, ketiga-tiga kumpulan pelajar itu telah berjaya merangkul 3 medal iaitu 1 medal perak dan 2 medal gangsa.

Oleh itu, diharapkan lebih ramai pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang akan memilih kerjaya sebagai usahawan setelah bergraduasi kelak. Hal ini juga selaras dengan misi dan visi MARA yang menuntut pertambahan bilangan usahawan Bumiputra pada setiap tahun.



## Apakah itu Business Model Canvas?

Business Model Canvas atau lebih dikenali sebagai BMC di dalam kursus keusahawanan ini sebenarnya adalah salah satu topik asas yang WAJIB difahami oleh setiap usahawan dan juga pelajar keusahawanan itu sendiri. Business Model Canvas (BMC) atau dalam Bahasa Melayu; Kanvas Model Perniagaan ini merupakan satu model atau alat yang sangat berguna dalam memacu kejayaan perniagaan yang akan diusahakan. Dalam bahasa mudah, BMC ini adalah satu muka surat yang merangka dan menyusun atur strategi idea atau konsep bagi sesebuah perniagaan.



Gambarajah 1 : Templat Business Model Canvas (BMC).




Di dalam gambarajah 1 di atas, kita dapat melihat BMC ini terdiri daripada 9 kunci utama atau 9 blok pecahan yang mewakili proses perniagaan:

- 1) Key Partners (Rakan Kerjasama)
- 2) Key Activities (Aktiviti Utama)
- 3) Key Resources (Sumber Utama)
- 4) Customer Segments (Segmen Pelanggan)
- 5) Customer Relationships (Hubungan Pelanggan)
- 6) Channels (Rangkaian)
- 7) Value Propositions (Tawaran Nilai)
- 8) Cost Structure (Kos Struktur)
- 9) Revenue Streams (Aliran Pendapatan)



(a)



(b)


Gambarajah 2 : Konsep Business Model Canvas yang lebih terperinci.

Merujuk gambarajah 2 di atas, setiap blok ini mempunyai fungsi yang saling mempengaruhi dan sangat rapat antara satu sama lain terutamanya dari segi kos iaitu kos yang dikeluarkan hendaklah berbaloi dengan nilai keuntungan yang bakal diperolehi. Jika dilihat dengan lebih teliti, setiap blok-blok ini memainkan peranan besar untuk memastikan bisnes itu berjaya. Ini kerana model ini memberi gambaran setiap blok yang berkaitan dengan bisnes bermula daripada pelanggan, rakan kongsi, pasaran, jualan, sehingga ke kos pengeluaran. Konsep idea BMC ini seperti tidak akan lengkap jika tidak disertakan dengan contoh untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Oleh itu, gambarajah 3 di bawah menunjukkan contoh perniagaan yang menggunakan konsep BMC di dalam perniagaan mereka

## BUSINESS MODEL CANVAS



(a)




(b)



## BMI • Business model canvas

## NETFLIX



(c)



(d)

Gambarajah 3 : (a) hingga (d) Contoh perniagaan yang menggunakan konsep BMC.

### Rujukan:

- 1) <https://smeniaga.com/2019/12/rangka-idea-bisnes-dengan-kanvas-model-perniagaan/>
- 2) <https://khaiz.com/pengenalan-business-model-canvas/>
- 3) <https://gurubmc.blogspot.com/p/apa-itu-bmc.html>
- 4) <http://fstm.kuis.edu.my/blog/business-model-canvas/>